

21 APR 1998

Mahathir-Pengerusi

PENGERUSI STANDARD CHARTERED KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Standard Chartered Plc Group Patrick Gillam di pejabat Perdana Menteri di sini.

Gillam dijangka menumpukan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai pelaburan kumpulan itu di Malaysia dengan 30 cawangan.

Buat masa ini Standard Chartered mempunyai lebih 700 pejabat di 50 negara.

-- BERNAMA